

BAB 5

KESIMPULAN

Dalam masyarakat Melayu tradisi, tugas utama seorang wanita ialah sebagai pengurus rumah tangga. Walaupun seorang wanita tradisi ada memberikan sumbangan terhadap kedudukan ekonomi keluarga namun ini hanya merupakan satu sumbangan untuk menambahkan pendapatan keluarga atau meringankan beban suami. Selain itu, kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh seorang wanita tradisi juga hanya berkisar dalam lingkungan rumah tangga.

Dengan perubahan sosial yang berlaku, terutama perkembangan pendidikan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat telah mempelbagaikan peranan wanita. Penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi di luar lingkungan rumah tangga semakin jelas. Lokasi kerja wanita sudah berubah iaitu dari sawah, kebun dan dusun yang merupakan milik keluarga dan dalam lingkungan rumah tangga ke pejabat-pejabat kerajaan, swasta, kilang dan klinik yang jauh dari lingkungan rumah tangga. Perubahan ini juga berlaku selari dengan proses perubahan nilai dan sikap ibu bapa yang membenarkan anak-anak perempuan mereka mendapatkan pendidikan sekular dan melibatkan diri dalam pelbagai

aktiviti ekonomi. Segala perubahan ini telah membawa kepada pertambahan peranan seorang wanita dengan lebih jelas. Seorang wanita kini bukan hanya memikul tanggungjawab asasnya sebagai pengurus rumahtangga tetapi juga mempunyai tanggungjawab dan komitmen terhadap kerjaya yang diceburi.

Perkembangan pendidikan dan ekonomi yang pesat juga telah berjaya mendorongkan wanita mengambil bahagian dalam lapangan profesional. Perkembangan ini telah membuka peluang pekerjaan profesional kepada wanita.

Hasil kajian mendapati majoriti responden memilih kerjaya profesional yang terlibat iaitu jurutera, arkitek dan pengaturcara program komputer kerana minat yang mendalam terhadap bidang yang diceburi. Minat untuk menceburi kerjaya-kerjaya ini pula dipengaruhi oleh sikap responden yang mahukan kelainan dan juga pengaruh model-contoh sama ada dari ibu bapa, adik beradik atau guru-guru di sekolah.

Untuk berjaya dalam kerjaya, seorang wanita perlu mempunyai paras keyakinan diri yang tinggi. (Hipotesis yang dibuat oleh pengkaji iaitu untuk berjaya di tempat kerja bergantung kepada sokongan yang diberikan oleh pegawai atasan (mentor) adalah kurang tepat. Majoriti

responden iaitu sebanyak 59.9% berpendapat sokongan pegawai atasan tidak penting dalam memastikan kejayaan di tempat kerja.) Seorang wanita yang sering menggunakan faktor jantina sebagai satu alasan apabila wujud masalah dalam kerjaya tidak akan berjaya dalam kerjayanya. (Menurut responden, kewibawaan, dedikasi yang tinggi dan keyakinan diri yang jitu perlu untuk wanita berjaya dalam kerjaya.) Kejayaan seseorang di tempat kerja bukan ditentukan oleh sokongan pegawai atasan sama ada lelaki atau wanita tetapi yang penting ialah usaha yang tekun dan mempunyai karisma dalam menjalankan tugas. Responden berpendapat yang perasaan wanita ditindas berdasarkan faktor jantina hanya merupakan mainan perasaan bagi individu yang tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Hakikat seorang pekerja lelaki sering menjadi tumpuan majikan dalam kenaikan pangkat mungkin ada kaitan dengan jumlah mereka sebagai majoriti dalam ketiga-tiga kerjaya yang dikaji.

(Walaupun memasuki bidang profesional, namun kajian mendapati, responden masih lagi meletakkan rumahtangga di tangga yang pertama.) Komitmen mereka terhadap kerjaya hanya di tahap sederhana sahaja. Seramai 81.4% responden menganggap rumahtangga paling penting dalam kehidupan mereka dan daripada 81.4% ini, 47.1% sanggup meninggalkan kerjaya jika keluarga lebih memerlukan mereka. Faktor "internalise role norm" atau (apa yang dianggap

sebagai peranan yang sewajarnya bagi seorang isteri akan mempengaruhi keputusannya sama ada untuk terus bekerja atau berhenti kerja [Khadijah Muhammad, 1969:243]. Jika seorang isteri menganggap yang anak-anak dan keluarga lebih memerlukannya maka ia akan berhenti kerja. Terbukti terdapat seorang responden yang pernah berhenti kerja apabila anaknya lebih memerlukan kehadirannya. Beliau hanya bekerja semula apabila anaknya sudah semakin sihat dan tidak memerlukan perhatian yang tinggi daripadanya. Keutamaan rumah tangga berbanding dengan kerjaya mungkin dapat dikaitkan dengan latarbelakang keluarga responden yang kebanyakannya ibu mereka merupakan suri rumah. Ini kerana seramai 17.1% ibu responden tidak bersekolah dan 61.4% yang hanya mencapai pendidikan peringkat rendah. Model yang mereka perolehi ialah model wanita tradisi yang lebih mengutamakan keluarga dan kepuasan diperolehi dengan melihat kebahagian keluarganya. Fenomena ini juga dapat dikaitkan dengan pengaruh ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Bagi mereka, keluarga dan perkahwinan adalah amanah Tuhan yang sepatutnya diperlihara. Nilai Islam dan budaya yang dipupuk melalui proses sosialisasi telah memberikan gambaran yang jelas kepada responden mengenai tanggungjawab seorang isteri. Bagi mereka kebahagiaan hidup tercapai apabila tanggungjawab terhadap keluarga dapat dilaksanakan dengan sempurna. (Kejayaan dalam kerjaya semata-mata dan ganjaran gaji yang tinggi

tidak dapat mengukur kebahagiaan mereka.) (Kejayaan dalam kerjaya mestilah diiringi dengan kejayaan peranan mereka sebagai isteri dan ibu yang baik untuk keluarga.) (Walaupun wanita Melayu ternyata ingin memasuki kerjaya-kerjaya yang dianggap dominasi lelaki namun mereka sedar yang komitmen mereka terhadap kerjaya ada batasan disebabkan oleh tanggungjawab mereka terhadap keluarga.)

Hipotesis kedua yang dibuat oleh pengkaji adalah tepat dengan hasil kajian yang diperolehi. (Pengkaji mengandaikan yang kejayaan wanita di rumah bergantung kepada bantuan suami dan bantuan luar yang diperolehnya dalam membuat kerja-kerja rumah.) Bantuan daripada suami dan bantuan-bantuan luar yang digaji ternyata dapat meringankan beban isteri di rumah. (Tugas-tugas utama seorang wanita kini bukan untuk melaksanakan tugas-tugas domestik seperti memasak, membasuh dan mengemas tetapi lebih cenderung memberi perhatian dan sokongan emosi yang sepenuhnya kepada suami dan anak-anak.) Ini kerana tugas-tugas domestik yang utama kini diambil alih oleh bantuan-bantuan luar seperti penggunaan alat-alat bantuan rumah, pembelian makanan yang siap dimasak dari luar, bantuan dari pembantu rumah yang digaji dan perkongsian tugas dan tanggungjawab bersama suami.

Hipotesis ketiga pengkaji adalah benar apabila

pengkaji mengandaikan kejayaan seorang wanita di tempat kerja dan di rumah bergantung kepada sokongan fizikal dan emosi yang diperolehi daripada suami.) Kejayaan peranan seorang isteri di rumah bergantung kepada pandangan dan sokongan suami. Sikap suami yang liberal dalam menilai peranan seorang isteri dan ibu membantu seorang wanita memainkan peranannya sebagai pengurus rumahtangga dengan lebih mudah. Seterusnya kejayaan sebagai pengurus rumahtangga yang baik berdasarkan nilaian yang diberikan oleh suami akan menyebabkan seorang wanita lebih mudah untuk memberikan konsentrasi dan komitmen yang lebih kepada kerjayanya.

Perubahan peranan ini berlaku dengan perubahan nilai yang dialami oleh kedua-dua pasangan suami isteri. Sikap suami yang lebih bersifat terbuka terhadap peranan domestik seorang isteri dan peranannya sebagai ketua keluarga membenarkan perubahan peranan ini untuk berlaku. Perubahan sikap dan nilai seorang suami terhadap peranan domestik isteri dalam kajian ini ada kaitan dengan tingkat pendidikan suami yang tinggi. Suami yang berpendidikan tinggi mempunyai sikap yang lebih liberal tentang peranan seorang wanita. Bagi suami, bukanlah merupakan satu kejanggalan untuk menolong isteri melakukan kerja-kerja rumah atau kerja-kerja domestik utama isteri diambil alih oleh bantuan luar kerana isteri juga sama-sama

bertanggungjawab menyumbangkan pendapatan keluarga. Perubahan peranan domestik seorang isteri yang membawa kepada ciri kerjasama yang tinggi antara suami dan isteri telah membawa kepada peneguhan keluarga asas. Suami dan isteri terpaksa bergantung di antara satu sama lain sama ada secara fizikal iaitu dengan menolong melakukan kerja rumah atau sokongan moral, misalnya memahami kerjaya isteri dan memberikannya galakan untuk terus berjaya dalam kerjaya memastikan keluarga dual kerjaya terus seimbang.) Wujudnya tolak ansur yang tinggi antara suami dan isteri dalam keluarga asas merupakan ciri positif yang dapat mengeratkan hubungan antara mereka. Hubungan suami isteri lebih bersifat saling memerlukan di antara satu sama lain untuk menjayakan satu unit keluarga yang bahagia. Penggunaan alat-alat bantuan rumah juga ternyata membantu melancarkan urusan rumahtangga. Seramai 67 orang (95.7%) responden berpendapat alat bantuan rumah membantu memudahkan kerja-kerja rumahtangga. Penggunaan alat-alat bantuan ini pula dimungkinkan dengan pendapatan responden dan suami yang tinggi.

Bentuk keluarga responden yang majoritinya keluarga asas adalah sebagai satu faktor yang membenarkan perubahan nilai tentang peranan domestik ini berlaku. Tanpa pandangan dan campurtangan dari keluarga luas menyebabkan penilaian dari mereka tentang corak

pengendalian rumah tangga tidak lagi penting. Ini memudahkan perubahan peranan untuk terus berlaku tanpa sebarang tekanan dan tentangan dari keluarga luas. Perubahan peranan domestik seorang wanita amat penting untuk membolehkan seorang wanita mengimbangi antara tanggungjawab rumah tangga dan kerjaya.

Kesan'

Penglibatan wanita dalam pekerjaan juga telah membawa kepada kelonggaran hubungan sosial antara keluarga asas dengan keluarga luas. Ini ternyata dari kekerapan responden mengunjungi keluarga luas dan saudara mara. Kebanyakan daripada responden hanya pulang mengunjungi keluarga dan saudara mara mereka pada musim-musim perayaan dan cuti sekolah sahaja. Ini membawa kepada perubahan dalam bentuk hubungan sosial dengan keluarga luas. Walaupun hubungan antara keluarga asas dan keluarga luas masih kekal tetapi berlaku perubahan. Hubungan tersebut hanya terhad kepada kunjung mengunjung sahaja. Kelonggaran kepada hubungan sosial ini bukan berlaku kerana perubahan nilai tetapi faktor jarak antara keluarga asas dan keluarga luas yang jauh, kesibukan responden dan kesukaran responden mendapat cuti serentak dengan suami. Tanggungjawab responden terhadap ibu bapa masih kekalkan dan dipelihara hanya dalam bentuk yang berbeza.

Namun hubungan responden dengan keluarga luas

lain seperti adik beradik dan saudara mara ternyata menampakkan kerenggangan. Kelonggaran hubungan ini disebabkan oleh kesuntukan masa yang dihadapi oleh responden dan suami. Maka apabila pulang menziarah ibu bapa di kampung, responden dan suami tidak berpeluang atau mempunyai masa untuk menjalinkan hubungan dengan saudara mara. Setiap kesempatan yang ada semasa di kampung dihabiskan bersama ibu bapa dan keluarga yang terdekat sahaja.

Begitu juga hubungan responden dengan kawan-kawan yang menunjukkan paras keakraban yang amat rendah. Hubungan mereka hanya terhad di pejabat sahaja dan hanya melakukan kunjungan apabila mendapat jemputan. Paras keakraban yang rendah ini bukan disebabkan responden tidak berminat untuk menjalinkan hubungan sosial yang lebih rapat dengan kawan-kawan tetapi kerana responden dan suami tidak mempunyai masa untuk megeratkan hubungan ini. Setiap masa yang terluang adalah amat berharga bagi kedua-dua pasangan yang bekerja dan oleh kerana itu responden dan suami lebih gemar menghabiskan masa bersama anggota-anggota keluarga. Kelonggaran hubungan responden dengan keluarga luas dan kawan-kawan membawa kepada peneguhan keluarga asas. Responden dan suami lebih bergantung di antara satu sama lain sama ada secara fizikal atau emosi disebabkan kelonggaran hubungan dengan keluarga luas dan kawan-kawan.

Kajian ini menunjukkan yang kejayaan seorang wanita dalam kerjaya banyak bergantung kepada kejayaannya di rumah. Oleh kerana itu beberapa perkara perlu diambil perhatian untuk memastikan wanita berjaya dalam kedua-dua peranan yang dibawanya iaitu sebagai pekerja dan pengurus rumah tangga.

- ✓. Campurtangan dari pihak majikan perlu untuk menjaga tahap kecekapan wanita yang berkeluarga sebagai pekerja. Penubuhan pusat penjagaan anak-anak di tempat kerja, berhampiran tempat kerja dan bantuan kewangan sama ada bentuk pembiayaan penuh atau separuh dari kos penjagaan anak-anak perlu diadakan. Ini perlu untuk memastikan tahap kecekapan dan konsentrasi seorang pekerja itu terjaga. Emosi dan tumpuan kerja seorang ibu yang bekerja sering terjejas apabila menghadapi kesukaran mendapatkan orang yang sesuai untuk menjaga anak-anaknya. Bantuan kewangan juga sekurang-kurangnya dapat meringankan beban bagi ibu yang mempunyai anak yang ramai dengan kos penjagaan yang tinggi di bandar. Jarak anak yang lebih dekat (berhampiran tempat kerja) dengan ibu yang bekerja terutama bagi yang mempunyai anak kecil, membolehkannya memberi komitmen yang tinggi terhadap kerja. Pusat penjagaan anak yang diadakan di dalam

kawasan pejabat memudahkan seorang ibu menjengok anak terutama waktu rehat. Seorang ibu akan merasakan yang kebijikan anaknya lebih terjaga kerana ia berada berhampiran dengan anaknya. Seorang ibu juga tidak perlu risau dengan keselamatan anaknya kerana jarak yang dekat dengan pusat penjagaan membolehkannya melawat anaknya terutama jika ia perlu untuk menyusukan anaknya.

2. Polisi kerja yang anjal juga penting terutamanya bagi menyelesaikan masalah penjagaan anak-anak. Misalnya, seorang pekerja boleh datang dan pulang kerja pada waktu yang berbeza asalkan jumlah jam bekerja menepati lapan jam sehari. Ini dapat mengatasi masalah penjagaan anak. (Menurut Nollen [1982], polisi kerja yang anjal dapat membantu meningkatkan produktiviti, komitmen kerja dan kepuasan kerja seseorang.)
3. Kemudahan kaunseling untuk pekerja bermasalah tidak kira pekerja lelaki atau wanita juga perlu diadakan. Diharapkan dengan khidmat kaunseling yang diadakan dapat mengurangkan gangguan emosi yang dihadapi oleh individu tidak kira yang bersangkutan dengan masalah rumah tangga atau pejabat. Dengan cara ini seorang suami atau isteri sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dan tidak

mengganggu kelancaran peranan di rumah atau di pejabat. Melalui khidmat kaunseling juga suami dan isteri diharapkan dapat diberikan khidmat nasihat mengenai masalah-masalah dan perubahan peranan yang bakal dihadapi oleh pasangan dual kerjaya.

4. Penglibatan yang lebih meluas daripada suami dalam urusan rumahtangga perlu ditekankan. Walaupun kajian menunjukkan yang 95.7% daripada suami responden turut serta dalam kerja-kerja rumahtangga, namun terdapat agihan pekerjaan dalam jenis-jenis kerja yang dilakukan. Misalnya, suami lebih tertumpu dalam melakukan kerja-kerja yang memerlukan tenaga fizikal seperti membasuh kereta dan membersih kawasan rumah. Selain daripada itu, majoriti daripada suami responden (84.3%) mengambil alih tanggungjawab menjaga anak-anak. Jika diteliti, penglibatan suami dalam kerja-kerja rumahtangga lebih tertumpu kepada kerja-kerja yang bukan berbentuk rutin dan perlu dilakukan pada kadar segera. Juga didapati suami lebih gemar terlibat dengan kerja-kerja yang menyeronokkan seperti bermain dengan anak-anak. Berbanding dengan suami, responden masih lagi melakukan sebahagian besar daripada kerja-kerja rumahtangga. Maka untuk lebih melancarkan peranan wanita di rumah, penglibatan suami dalam segala bentuk kerja rumahtangga adalah perlu.

Jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh suami perlu terlepas daripada "stereotyping" yang ada tetapi sebaliknya lebih terbuka dalam menolong isteri melakukan kerja-kerja rumahtangga. Suami perlu terlibat sama dalam melakukan kerja-kerja yang berbentuk rutin yang dianggap memenatkan dan membebankan seperti membasuh kain, menggosok pakaian, memasak dan mengemas. Penglibatan penuh suami dalam segala jenis urusan rumahtangga diyakini dapat melancarkan peranan wanita di rumah dan seterusnya membantu kejayaannya di tempat kerja.

Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan yang walaupun wanita menceburi bidang profesional namun rumahtangga masih lagi merupakan matlamat hidup yang utama. Wanita yang berlatarbelakangkan keluarga tradisi iaitu melalui proses sosialisasi yang dilaluinya masih lagi belum dapat melepaskan diri daripada kerangka tradisi. Cuma mereka cuba untuk menyesuaikan diri dengan peranan mereka yang baru agar kedua-dua peranan ini dapat dijalankan dengan lancar. Seorang isteri dan ibu yang bekerja juga hanya mampu berjaya dalam kerjayanya jika mendapat sebanyak mungkin bantuan dari suami, keluarga, alat-alat bantuan rumahtangga dan bantuan orang ketiga seperti pembantu rumah, nurseri dan ahli keluarga yang lainnya.